

22 AUG 2002

KHATIB BUAT LAPORAN POLIS DAKWA DIUGUT

KUALA TERENGGANU, 22 Ogos (Bernama) -- Khatib yang membaca khutbah di Masjid Losong Haji Mat Shafie, Losong di sini semasa Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menunaikan solat Jumaat minggu lepas membuat laporan polis selepas menerima ugutan.

Muhamad Abu Bakar, 57, membuat laporan polis di ibu pejabat Polis Daerah Kuala Terengganu malam tadi mendakwa dua orang lelaki menggugutnya.

Bercakap kepada pemberita di sini, beliau berkata kejadian itu berlaku di hadapan rumahnya pada kira-kira pukul 7 malam tadi.

Muhamad berkata kejadian itu berlaku apabila beliau menegur seorang daripada lelaki itu kerana menyindir dengan mengatakan bila beliau akan menjemput Presiden Amerika Syarikat.

Rakan lelaki itu kemudiannya meninggikan suara dan menunjukkan reaksi seolah-olah ingin memukul beliau, katanya.

Pada Jumaat lepas, seorang pegawai kanan kerajaan negeri cuba menggantikan Muhamad membaca khutbah.

-- BERNAMA

MRA MOZ